

B B855 DEB  
MAHATHIR R R R

JOHOR BAHRU, 11 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA RAKYAT MEMASTIKAN BARISAN NASIONAL (BN) TERUS MEMERINTAH NEGARA INI KERANA HANYA BN YANG MAMPU MENJAMIN KEAMANAN, KEMAKMURAN DAN PEMBANGUNAN YANG BERTERUSAN.

PERDANA MENTERI BERKATA HAKIKAT BAHAWA NEGARA YANG DITADBIRKAN TERUS-MENERUS OLEH PARTI YANG MEMERINTAH MENJAMIN KEMAKMURAN TERBUKTI BUKAN SAHAJA DI MALAYSIA TETAPI JUGA DI NEGARA LAIN.

KATANYA, SEBAGAI CONTOH SINGAPURA, JEPUN DAN KOREA SELATAN MENIKMATI KEMAJUAN PESAT KERANA PARTI YANG MEMERINTAH DIPILIH OLEH RAKYAT PADA SETIAP PILIHAN RAYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN SEMASA MELANCARKAN PERAYAAN MEMPERINGATI ULANG TAHUN KE-14 PENUBUHAN BARISAN NASIONAL ANJURAN UMNO BAHAGIAN PULAI DI TAMPOI DEKAT SINI PETANG INI.

BELIAU BERKATA TUDUHAN PARTI PEMBANGKANG DAN BEBERAPA BADAN SOSIAL KONONNYA KEMENANGAN TERUS-MENERUS BN MENJADIKAN PARTI ITU SERTA PEMIMPINNYA ANGKUH DAN SOMBONG ADALAH DUSTA SAMA SEKALI. -- LAGI

2009MST 11 07 86

### MAHATHIR 2 JOHOR BAHRU

SEBALIKNYA, KATA PERDANA MENTERI, REKOD KEPIMPINAN PEMIMPIN BN MENUNJUKKAN MEREKA SENTIASA MENDAMPINGI RAKYAT DAN TIDAKLAH HANYA APABILA MENJELANG PILIHAN RAYA SEPERTI DILAKUKAN OLEH PEMIMPIN PARTI-PARTI PEMBANGKANG.

PERIKATAN DAHULU DAN BN SEKARANG TIDAK TAMAKKAN KUASA MALAH GABUNGAN PARTI-PARTI YANG MEWAKILI PELBAGAI KAUM MEMBUKTIKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT SENTIASA MENDAPAT PERHATIAN PEMIMPINNYA, KATA BELIAU.

BELIAU YANG JUGA Pengerusi BN MENEGASKAN BAHAWA KONSEP KEKELUARGAAN SEPERTI YANG DIAMALKAN OLEH BN TELAH MENJALIN KERJASAMA ERAT ANTARA RAKYAT PELBAGAI KAUM NEGARA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN JIKA PARTI-PARTI PEMBANGKANG BERGABUNG MEREKA TIDAK MUNGKIN DAPAT BERBUAT SEPERTI BN KERANA PARA PEMIMPINNYA BERSIKAP BERPURA-PURA.

KATA PERDANA MENTERI, MISALNYA PAS DI PERAK CUBA BERBAIK-BAIK DENGAN MASYARAKAT CINA MENERUSI CCC TETAPI DI KELANTAN MEREKA MENAFIKAN BEKERJASAMA DENGAN BUKAN ISLAM. -- LAGI

2023MST 11 07 86

0654

U B863 DEB  
MAHATHIR - 3 JOHOR BAHRU

PERDANA MENTERI MENINGATKAN RAKYAT BERWASPADA TERHADAP SIKAP BERPURA-PURA PAS YANG DIANGGAP OLEHNYA SEBAGAI +MELUDAH KE LANGIT JATUH KE ATAS HIDUNG SENDIRI+ KERANA PAS PERNAH MENUDUH UMNO KAFIR DENGAN BEKERJASAMA DENGAN BUKAN ISLAM, SEDANGKAN SEKARANG MEREKA PULA BERBUAT DEMIKIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGULANGI HARAPAN SUPAYA RAKYAT MEMBERI KEMENANGAN DUA PERTIGA KEPADA BN PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

MENGENAI TARIKH PILIHAN RAYA, BELIAU BERKATA TARIKHNYA SUDAH HAMPIR DAN SETIAP PARTI KOMPONEN BN HENDAKLAH BERSEDIA DEMI MENJAMIN KEJAYAAN YANG CEMERLANG.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN BAHAWA PARTI PEMBANGKANG TIDAK HARUS BIMBANG YANG KERAJAAN AKAN MEMBATALKAN PILIHAN RAYA ATAUPUN MENGISYTIHARKAN DARURAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMUJI BN JOHOR ATAS KEUTUHAN DAN KEMANTAPAN BN NEGERI ITU YANG HARUS DITELADANI OLEH NEGERI-NEGERI LAIN. -- BERNAMA

2107MST 11 07 86